

# Fakta

RESEARCH

DISSEMINATION OF INFORMATION

NETWORKING



## HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA

Oleh : Zakariah Md. Sam

Pada 17 Disember 1985, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan resolusi 40/212 yang telah menetapkan dan mengisytiharkan 5 Disember setiap tahun disambut sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa (*International Volunteer Day*). Hari Sukarelawan Antarabangsa ini disambut sebagai mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh semua sukarelawan dalam menjayakan pelbagai program dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia. Hari Sukarelawan Antarabangsa telah memberi peluang kepada sukarelawan, masyarakat umum, pihak kerajaan dan agensi kerajaan serta pihak swasta bekerjasama bagi mencapai sesuatu tujuan berasaskan semangat kesukarelaan. Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini membolehkan semua negara mempromosikan sikap tanggungjawab, disiplin, semangat kerjasama, cinta negara dan sifat prihatin rakyat mereka kepada dunia.

Di negara kita semangat yang sama juga sangat terserlah di kalangan masyarakat belia. Sebagai langkah proaktif dan cakna kepada sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa, YB Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan Rakan Muda Sukarelawan Antarabangsa yang akan memberi peluang dan membolehkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja kesukarelaan semasa menuntut di luar negara.

YB Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa melalui program Rakan Muda Sukarelawan Antarabangsa akan membolehkan mereka untuk meluaskan "networking" atau jaringan kerjasama antara pelajar dengan masyarakat, badan-badan mahupun persatuan-persatuan tempatan yang akhirnya membolehkan pelajar-pelajar Malaysia menjadi "duta" mampu memberikan tanggapan positif masyarakat tempatan di luar negara kepada Malaysia.

Di negara kita sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2009 memberi peluang dan cabaran kepada semua sukarelawan negara untuk membuktikan tahap sukarelawan mereka. Banjir yang telah menenggelamkan banyak kawasan di negeri-negeri pantai timur dan utara semenanjung menuntut pengorbanan setiap sukarelawan. Pertolongan anggota sukarelawan amat diperlukan untuk membantu mangsa banjir menyelamatkan harta benda dan nyawa. Bantuan sukarelawan juga sangat diperlukan di setiap Pusat Pemindahan Mangsa Banjir bagi melancarkan semua urusan menjaga kebajikan, memberi sokongan moral hatta mengadakan aktiviti di kalangan mangsa banjir.

Sejarah telah membuktikan pelbagai skuad sukarelawan Malaysia telah memberikan perkhidmatan yang sangat berkesan dan sentiasa berada di lokasi-lokasi, dimana berlakunya peperangan, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan sebagainya sama ada di dalam ataupun di luar negara yang mengundang risiko yang tinggi.

bersambung di mukasurat 2

# Cetusan Ketua Pengarang



IPPBPM akan melangkah tahun 2010 dengan azam baru. Tahun 2010 merupakan tahun pelaksanaan penuh program-program yang berorientasikan *Key Performance Indicators* (KPI) untuk mencapai matlamat *Key Result Area's* (KRA). IPPBM akan memainkan peranan sebagai agensi yang menyokong program-program pembangunan sosial dan pembangunan fizikal berbentuk output bagi mencapai KRA yang telah ditetapkan.

IPPBPM akan meneruskan usaha untuk mengkaji keberkesanannya kesemua program pembangunan sosial dan pembangunan fizikal dengan memberi penumpuan kepada keberkesanannya program untuk menambahkan bilangan belia yang bertanggungjawab dan beretika. Ini bertujuan untuk membantu pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam mengurangkan kadar jenayah jalanan dan dadah di kalangan belia sebanyak dua peratus pada tahun 2010 nanti, yang merupakan salah satu daripada KPI KBS. Penumpuan juga akan diberikan kepada program-program pembangunan sosial dengan melihat keberkesanannya ke arah melahirkan 13,000 belia yang mahir dalam kepimpinan yang juga menjadi salah satu daripada KPI KBS.

Adalah dijangkakan sebanyak 25 kajian akan dilaksanakan oleh IPPBM sepanjang 2010 yang meliputi pelbagai aspek pembangunan sosial belia dan pembangunan fizikal yang melibatkan penyelidik sosial, pelbagai agensi mahupun pihak KBS sendiri dalam perancangan program untuk memperkasakan belia Malaysia!

Selamat menyambut tahun baru 2010.

**Hj. Zakariah Md. Sam**  
Ketua Pegawai Operasi, IPPBM

## sambungan dari mukasurat 1

Dalam konteks yang lebih luas, negara kita sangat memerlukan skuad sukarelawan yang berkhidmat secara berterusan bagi menangani pelbagai masalah sosial di kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, mengikut statistik Kementerian Kesihatan sehingga 30 Jun 2009, terdapat 86,127 kes jangkitan HIV telah dicatatkan. Dari jumlah itu, 14,955 pesakit telah menghidap AIDS. Sehingga 30 Jun 2009 pula, sejumlah 11,549 kematian berkaitan AIDS direkodkan. Apa yang lebih membimbangkan ialah sebanyak 76.9 peratus kes jangkitan HIV juga berlaku di kalangan remaja dan golongan muda berusia antara 20 hingga 39 tahun. Punca jangkitan ini dikaitkan dengan bermacam gejala sosial seperti pengambilan dadah, alkohol dan juga seks rambang yang semakin meningkat.

Selain dari itu, kajian LPPKN menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkara yang sentiasa ditegah oleh ibu bapa tetapi tetap dilakukan oleh remaja akibat pelbagai pengaruh termasuk pengaruh rakan sebaya. Sejumlah 13.5 peratus remaja gemar keluar hingga larut malam. Kegemaran keluar hingga larut meletakan remaja terdedah kepada pelbagai risiko. 9.8 peratus belia merokok atas pelbagai alasan.

# Sidang Redaksi

## PENAUNG

Datuk Ahmad Shabery Cheek

## PENASIHAT

Ketua Pegawai Eksekutif

## KETUA PENGARANG

Hj. Zakariah Md. Sam

## KETUA EDITOR

Nadya Shaffinaz Bajuri

## SIDANG PENGARANG

Mastura Mohamad

Shariffah Mamat

Shahhanim Yahya

Nor Hamidah Hamzah

Nuurul Mizaan Ya'cob

Rizzal Dolah

Hasnul Mubarak Saadudin

## PUBLISITI

Raja Shahida Raja Hassan

Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada [info@ippbm.gov.my](mailto:info@ippbm.gov.my)

Gambar kulit: Sukarelawan Muda Rela

Akibat percampuran yang tidak terbatas atau pengaruh rakan sebaya telah menyebabkan 6.4 peratus remaja menyebut perkataan lucu sebagai amalan hidup mereka. Dari segi hiburan, 4.5 peratus remaja mengunjungi diskotik dan pub manakala 4.3 peratus yang mengambil minuman keras. Dari segi menyertai perlumbaan haram terdapat 2.9 peratus terlibat dalam perlumbaan haram. Akibat pengaruh rakan sebaya juga telah menyebabkan 2.89 peratus remaja membawa pulang bahan-bahan lucu dan 1.3 peratus belia terlibat dengan penagihan dadah.

Kesemua dapatan kajian di atas menuntut satu gerakan dan semangat sukarelawan yang tidak bermusim dan menyeluruh. Sukarelawan mesti membantu dengan mempelbagaikan usaha untuk mendekati semua rakan sebaya agar mereka tidak terjebak dalam sebarang perkara yang dilabelkan sebagai gejala sosial oleh masyarakat. Bagi menjayakan usaha ini kerajaan dan agensi-agensinya, GLC, pihak swasta dan masyarakat harus memberikan bantuan yang sewajarnya.

**SELAMAT MENYAMBUT HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2009.**



# PENGGUNAAN KOMPLEKS RAKAN MUDA BALING

Oleh: Shahhanim Yahya

## *Sambungan dari Edisi 3-2009*

**B** erbanding responden perempuan (89.1%), Semua (100%) responden lelaki (100%) yang melakukan aktiviti sukan (Jadual 5). Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara jantina. Melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan, responden lelaki menyatakan bahawa dengan bersukan mereka dapat mengurangkan tekanan terutamanya

tekanan kerja. Selain itu, mereka juga dapat bergaul bersama rakan-rakan serta bertukar-tukar pandangan. Bagi responden perempuan, tidak semua menyatakan bahawa melakukan aktiviti sukan adalah satu kemestian dan faktor kekangan masa menyebabkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti sukan secara konsisten.

**Jadual 5 : Perkaitan antara Jantina dan Penglibatan dalam Aktiviti Sukan**

Jantina	Penglibatan Dalam Aktiviti Sukan			
	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	186	100	0	0
Perempuan	155	89.1	19	10.9

Bagi penglibatan dalam aktiviti senaman pula, lebih ramai responden lelaki (90.3%) berbanding responden perempuan (89.7%). Melalui temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan di kalangan responden perempuan, mereka lebih cenderung untuk bersenam kerana faktor keupayaan mereka untuk bersenam berbanding bersukan

adalah lebih mudah. Mereka boleh bersenam tanpa perlu menggunakan sebarang peralatan contohnya seperti jogging, yoga dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kecenderungan responden lelaki adalah lebih tinggi sama ada dalam aktiviti sukan maupun senaman.

**Jadual 6 : Perkaitan antara Jantina dengan Penglibatan dalam Aktiviti Senaman**

Jantina	Penglibatan Dalam Aktiviti Senaman			
	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	168	90.3	18	8.7
Perempuan	156	89.7	18	10.3

# Semangat Kesukarelaan BELIA Dalam Berpersatuhan

Oleh: Nadya Shaffinaz Bajuri



**P**embentukan persatuan belia di Malaysia semakin menjadi trend di kalangan sesetengah pihak yang terpanggil untuk bertanggungjawab dalam mengurangkan masalah gejala sosial di kalangan belia di Malaysia. Bagi memastikan pengurusan dan pengupayaan pergerakan persatuan dipantau mahupun mendapat peruntukan daripada pihak bertanggungjawab, persatuan-persatuan ini perlu mendaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) yang bernaung di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Sehingga 9 Disember 2009 terdapat sebanyak 7,113 buah persatuan telah berdaftar dengan ROY dan yang telah mendapat kelulusan adalah sebanyak 5,835 persatuan atau bersamaan 82.03 peratus. Pada asasnya, persatuan-persatuan belia ini ditubuhkan bagi melahirkan semangat berpasukan dan kesukarelaan di kalangan belia dalam menjalankan aktiviti persatuan. Namun, sejauh manakah semangat tersebut wujud dalam kalangan belia Malaysia kini dalam persatuan?

Pada dasarnya, aktiviti kesukarelaan merupakan suatu skop yang luas, dimana ia melibatkan penyertaan aktif anggota-anggota masyarakat dalam pelbagai bidang kehidupan (pendidikan, ekonomi, ketatanegaraan, keagamaan, hak-hak asasi manusia, kepenggunaan, alam sekitar, kepekaan gender, kebajikan, belia dan lain-lain). Mengimbang kembali perkembangan gerakan belia dalam sejarah Malaysia, berpersatuan bukan sekadar suatu pengalaman pembelajaran, malah ia juga suatu proses kesedaran yang dinamik yang mampu mencetuskan keinginan untuk bersedia ke tengah gelanggang dan menyumbang.

Persatuan-persatuan belia formal telah mulai wujud di Malaysia sejak zaman penjajahan British di sekitar awal abad ke-20. Malah persatuan-persatuan beruniform juga diperkenalkan di kalangan pelajar-pelajar sekolah seperti Pasukan St. John Ambulans yang bergiat dalam perkhidmatan pertolongan cemas, Pasukan Pengakap dan Pandu Puteri yang bertujuan menanam semangat kesukarelaan dan tolong-menolong, disiplin diri dan kebajikan di kalangan belia.

Era yang semakin moden kini seharusnya mampu melahirkan belia yang lebih proaktif, optimis, positif, berkualiti, berdisiplin dan beretika terutama sekali dalam melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam persatuan.

Malah dalam Konvensyen Integriti Belia 2009 yang dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia baru-baru ini juga ada menyatakan bahawa dengan penglibatan belia dalam persatuan, belia mampu menjadi lebih dinamik untuk menjadi agen perubahan kepada pembangunan negara. Oleh itu, belia sendiri perlu menerapkan nilai-nilai murni dan jatidiri dalam diri mereka untuk menjadi contoh terbaik kepada generasi akan datang.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan yang wujud dalam persatuan belia dalam melahirkan semangat kesukarelaan di kalangan belia. Peranan beberapa orang pemimpin persatuan yang lebih bersifat 'simbiotik' dengan pemerintah negara dalam persatuan belia juga mampu mempengaruhi kemerosotan penglibatan belia sebagai sukarelawan dalam persatuan dan program yang dijalankan. Belia kini sudah bijak menilai profesionalisme yang wujud dalam sesebuah persatuan. Persatuan seharusnya bersifat neutral dari pengaruh yang bersifat simbiotik khususnya dalam membentuk ideologi untuk mendekatkan persatuan dengan kesukarelaan di kalangan belia.

Pengaruh perubahan pembangunan negara yang drastik juga memberi kesan terhadap kesukarelaan belia dalam aktiviti persatuan. Tuntutan setiap pergerakan yang memerlukan jumlah wang tertentu menyumbang kepada inisiatif persatuan belia yang perlu menyogok belia dengan material mahupun wang ringgit untuk menjalankan aktiviti kesukarelaan dalam persatuan mereka.

Faktor-faktor di atas secara tidak langsung mempengaruhi tahap penglibatan belia dalam bidang kesukarelawan yang melibatkan persatuan belia. Indeks Belia Malaysia 2008 (IBM '08) menunjukkan bahawa perubahan skor bagi keterlibatan belia dalam kerja-kerja kesukarelawan meningkat secara mendadak pada tahun 2008 dengan skor 67.4 berbanding tahun 2006 iaitu skor 48.1. Oleh itu, peranan persatuan belia untuk menarik minat belia bagi menjalankan aktiviti kesukarelaan adalah amat penting dalam mempengaruhi skor IBM pada masa akan datang.

Tahun 2010 akan menyusul tidak lama lagi. Semoga semangat kesukarelaan yang merupakan suatu sumber yang kaya dan berpotensi bagi sebarang perubahan dan transformasi sosial mampu membawa perubahan kepada semangat yang baru terhadap belia Malaysia!

# KEPERLUAN DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI BELIA MALAYSIA : Implikasi Kepada Pembangunan Modal Insan Negara

Oleh : Prof. Madya Dr. Haslee Sharil Abdullah  
Disunting Oleh : Mastura Mohamad

**B**elia mengalami perkembangan sama ada dari segi fizikal, kognitif, sosial dan emosi. Belia adalah masa, dimana berlaku perkembangan yang pesat walaupun proses perkembangan sering berlaku pada setiap tahap kehidupan manusia. Pelbagai situasi yang baru dan mencabar yang dinamakan perkembangan dan tugas perkembangan mengkehendaki belia melakukan penyesuaian (Weiner, 1992; Weissberg & Kuster, 1997). Selain itu, belia juga berhadapan dengan proses perubahan (Coleman & Hendry, 1999). Perubahan tersebut ialah proses transisi yang perlu dilalui oleh belia iaitu transisi zaman remaja ke alam dewasa.

Jika sesetengah belia dapat mengatasi perubahan yang berlaku tanpa gangguan psikologi, terdapat juga yang mengalami perubahan pada struktur kesejahteraan psikologi. Belia berhadapan dengan banyak cabaran dan dugaan dalam proses perkembangannya. Belia yang keperluan psikologinya dipenuhi, dapat meningkatkan kesejahteraan psikologinya untuk menempuh peringkat perkembangan ini dengan baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai beberapa objektif berikut dan keputusannya adalah berdasarkan penilaian yang telah dijalankan.

## • Mengenalpasti Keperluan Psikologi Belia Malaysia

Belia Malaysia mempunyai keperluan psikologi yang agak tinggi iaitu pada tahap 71%. Berdasarkan skor min, keperluan psikologi yang teratas adalah 'kasih sayang' iaitu 77%. Ini diikuti dengan 'keseronokan' pada 72%, 'motivasi' pada 69% dan 'kebebasan' pada 65%. Keperluan psikologi belia mengikut keturunan didapati berbeza. Keperluan psikologi yang paling tinggi adalah bagi belia Melayu dan India iaitu 'kasih sayang'. Sementara belia Cina, Iban, Kadazan, dan lain-lain kaum meletakkan 'keseronokan' sebagai keperluan psikologi tertinggi.

## • Menentukan Tahap Indeks Kesejahteraan Psikologi (IKP) Belia Malaysia

Min keseluruhan bagi IKP adalah 71.9 dengan sisihan piawai 4.40. IKP belia lelaki adalah 72.2, sedikit tinggi berbanding IKP belia perempuan 71.7 dengan

sisihan piawai masing-masing 4.51 dan 4.26. Didapati keseluruhan subjek sebanyak 6,209 orang belia, hanya 847 (13.6%) sahaja yang didapati sejahtera. Sebanyak 1,338 (21.5%) belia didapati kurang sejahtera dan sebanyak 4024 (64.8%) belia didapati tidak sejahtera.

## • Membina Profil Belia Malaysia Yang Sejahtera Psikologi

Belia yang berada pada tahap sejahtera psikologi mempunyai profil perkembangan kendiri positif dengan orang lain, mempunyai tujuan hidup yang jelas, penerimaan kendiri yang sihat, mampu menguasai persekitaran hidupnya dan mempunyai autonomi. Tiga dimensi kesejahteraan psikologi yang tertinggi adalah perkembangan kendiri positif, perhubungan positif dengan orang lain, dan mempunyai tujuan hidup.

## • Untuk Mengenalpasti Pengaruh Latarbelakang Diri Ke Atas Kesejahteraan Psikologi Belia

Jantina secara umumnya tidak membawa perbezaan yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi belia. Walau bagaimanapun, keturunan mempunyai kesan yang signifikan ke atas kesejahteraan psikologi belia. Status belia yang belajar, bekerja, dan menganggur juga memberi kesan yang signifikan. Akhir sekali, tahap *Body Mass Index* (BMI) belia juga didapati membawa pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan psikologi belia.

Berdasarkan dapatan kajian ini ke atas 6,209 orang belia dari seluruh negara, perhatian yang serius perlu diberi ke atas keperluan psikologi yang berada pada tahap tinggi khususnya keperluan kasih sayang. Defisit kasih sayang boleh membawa kesan negatif dalam pembangunan belia. Keutamaan yang diberikan kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran akademik dan profesional perlu diseimbangkan dengan pembangunan psikologi.

Penggembangan diantara khidmat pakar psikologi dan kaunseling perlu disarankan dalam usaha untuk merangka dan melaksanakan program berdasarkan kajian ini. Ini adalah untuk memastikan pengisian yang mantap mengikut keperluan dan pelaksanaan program yang akan mencapai objektif yang murni.

# KAJIAN BENGKEL PENGURUSAN PERSATUAN BELIA ZON UTARA

Oleh: Shariffah Mamat

**P**rogram yang telah diadakan pada 20 - 22 November 2009 bertempat di Emperor Hotel, Melaka merupakan Siri ke-3 penjelajahan Kajian Bengkel Pengurusan Persatuan Belia, dimana ia melibatkan peserta



program yang terdiri daripada wakil persatuan belia dari Zon Utara iaitu Pulau Pinang, Perak dan Perlis. Bengkel yang sama juga telah diadakan di kalangan wakil persatuan belia dari Zon Selatan (Johor, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Zon Timur (Kelantan dan Terengganu) bagi tujuan mengenalpasti permasalahan pengurusan persatuan belia mengikut zon masing-masing.

Siri terakhir bagi tahun 2009 ini telah berjaya mengumpulkan 83 orang wakil persatuan belia dari Zon Utara, dimana seramai 27 wakil persatuan dari Negeri Pulau Pinang, 27 wakil persatuan dari Negeri Perak serta 29 wakil persatuan dari Negeri Perlis.

Menerusi program ini, peserta-peserta ini telah berpeluang menyuarakan permasalahan pengurusan yang wujud dalam persatuan masing-masing. Mereka berlitzam dapat bersama-sama memperkasakan dan mengaktifkan persatuan yang diwakili oleh mereka.

## KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 9001:2008 IPPBM

Oleh: Shariffah Mamat



**I**nstitut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) maju setapak lagi ke hadapan dengan menyahut cabaran melaksanakan pengurusan lebih berkualiti melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, walaupun penubuhannya baru mencapai 4 tahun (2005-2009).

Pendedahan awal di kalangan warga IPPBM yang terlibat dalam mencapai sistem pengurusan berkualiti ini bermula pada bulan Mac 2009 bertempat di Sutra Beach Resort

Terengganu. Seluruh warga IPPBM begitu komited dalam usaha mencapai matlamat tersebut. Kronologi usaha ke arah mencapai MS ISO 9001:2008 IPPBM sehingga kini adalah seperti mana dinyatakan di dalam jadual 1:

Bermula pada bulan Jun hingga Disember 2009, usaha IPPBM ke arah mencapai sistem pengurusan kualiti telah berada pada tahap pencapaian yang memuaskan. Usaha seterusnya akan dilaksanakan dengan lebih komited dalam gerak kerja untuk mencapai matlamat pelaksanaan Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9001 : 2008.

# Reviewing Youth Development Principles

Oleh: Shariffah Mamat

4. **Vocational Competence:** Understanding and awareness of life options and the steps necessary to accomplish them. Adequate preparation for work and family life.
5. **Citizenship competency:** Understanding of the history and values of one's nation, community, race, ethnic and cultural heritage. Desire to be ethical and to be involved in contributing to the broader good.

Youth Development professionals must understand and apply these two sets of components to their work. They must assure that the conditions necessary for healthy growth are present in the environments in which youth live, and that opportunities to develop competence are

offered in the youth programs within those communities or environments. All Youth need:-

- To know they are cared about by others (Attachment, Belonging, Connection)
- To feel and believe they are capable and successful (Achievement, Mastery, Competence)
- To know they are able to influence people and events (Autonomy, Power, Confidence)
- To practice helping others through their own generosity (Altruism, Purpose, Contribution)

Source: <http://4h.ifas.ufl.edu>

## PEMETAAAN BELIA MALAYSIA *Panduan Layari Laman Web Siri IV*

(<http://petabelia.kbs.gov.my>)

Oleh: Nor Hamidah Hamzah

**S**iri IV sekali lagi memfokuskan kepada kategori Peta Umum iaitu pemetaan Kemudahan Sukan, Kemudahan Awam dan Kemudahan Pusat Perkhidmatan. Sumber data bagi tiga jenis pemetaan ini merupakan data yang diperolehi daripada Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN). Pemetaan **Kemudahan Sukan** adalah paparan data yang menyenaraikan jenis dan bilangan kemudahan sukan seperti kompleks sukan, padang, gelanggang, stadium, kompleks belia, Kompleks Rakan Muda (KRM) dan lain-lain.




Rajah 1: Peta Kemudahan Sukan (jumlah data akan dipaparkan mengikut kursor)

Kemudahan Sukan 2009 Properties	
Negeri	TERENGGANU
Daerah	DUNGUN
Jumlah	139
Kompleks Sukan	1
Padang	35
Gelanggang	101
Stadium	0
Kompleks Belia	0
Lain-lain	2
Kompleks RakanMuda	0

Rajah 2: Contoh Paparan Data


Pengguna perlu meletakkan kursor pada setiap daerah untuk melihat jumlah data dan seterusnya klik pada daerah yang dikehendaki untuk melihat data yang lengkap. Melalui ruangan Legend yang terdapat pada sudut kanan laman, pengguna mempunyai pilihan untuk melihat data kemudahan sukan tahun 2007 dengan *untick* terlebih dahulu tahun 2009 dan seterusnya *tick* tahun 2007.

Pemetaan **Kemudahan Awam** pula merupakan paparan data yang menyenaraikan jenis dan bilangan kemudahan awam seperti dewan orang ramai, dewan serbaguna, balai raya, terminal bas, stesen keretapi, taman rekreasi, taman permainan, kompleks beli belah, *cyber cafe*, pusat hiburan, panggung wayang dan lain-lain.



Rajah 3 : Peta Kemudahan Awam

Seterusnya, pemetaan Kemudahan Pusat Perkhidmatan menyenaraikan jenis dan bilangan kemudahan kebajikan seperti pusat kaunseling, pusat khidmat masyarakat, rumah kebajikan, persatuan rukun tetangga dan lain-lain.



Rajah 4 : Peta Kemudahan Pusat Perkhidmatan

**Selamat melayari laman Pemetaan Belia Malaysia!**

## ULASAN BUKU:


### Kerja Sosial : ARTIKEL-ARTIKEL PILIHAN

Tajuk : KERJA SOSIAL : ARTIKEL-ARTIKEL PILIHAN

Penerbit : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd

Tahun : 2002

**K**erja Sosial : Artikel-Artikel Pilihan merupakan himpunan penulisan oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai latar belakang dalam bidang berkaitan Kerja Sosial dari Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM). Buku ini memaparkan isu-isu berhubung kait dengan kerja sosial secara umum dan juga yang berlaku di Malaysia. Artikel yang terkandung memberi pemahaman kepada kita mengenai nilai, tanggungjawab dan kepentingan kerja sosial dalam masyarakat serta bagaimana kerja sosial dipraktikkan dalam kehidupan sehingga menimbulkan rasa tanggungjawab seseorang kepada masyarakat sekeliling. Buku ini juga menjelaskan bagaimana kerja-kerja sosial dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.



### Understanding Youth: PERSPECTIVES, IDENTITIES AND PRACTICES


Tajuk : UNDERSTANDING YOUTH: PERSPECTIVES, IDENTITIES AND PRACTICES

Disunting Oleh : Mary Jane Kehily

Penerbit : SAGE Publications

Tahun : 2007

**T**his book adopts an interdisciplinary approach and presents complex issues in an accessible and interactive way. This book also uniquely combine sociological approaches with biographical details and matters of practice. It will be essential reading for students on courses in youth work, youth studies, education, social work and social policy, and for professional working with young people in a wide range of settings.



*"Kebahagian ilmu pengetahuan itu bersifat tetap, keagungan kekal, namanya selalu dikenang; sedangkan kebahagiaan memiliki harta akan lenyap, kerana namanya segera dilupakan" - Dr. Aidh Abdullah Al-Qarni*